

Malaysia catat kemajuan penting – IMF

Um - 19/4/2007

WASHINGTON 16 April – Malaysia mencatat kemajuan penting ke arah mencapai status negara maju, sejak negara itu melancarkan Wawasan 2020 pada tahun 1991, kata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Kemajuan itu diperkuatkan oleh pertumbuhan eksport yang kukuh, kadar inflasi yang rendah dan pengukuhan pasaran kewangan, kata Lembaga Eksekutif IMF dalam Artikel Perundingan IV 2006 dengan Malaysia, yang dikeluarkan di sini.

Pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) naik kira-kira enam peratus, dipacu oleh peningkatan penggunaan awam dan pemulihan pelaburan swasta yang berterusan, manakala inflasi terus kekal rendah, menurut laporan itu.

Lebihan akaun semasa kekal melebihi 15 peratus daripada KDNK,

Kemajuan itu diperkuatkan oleh pertumbuhan eksport yang kukuh, kadar inflasi yang rendah dan pengukuhan pasaran kewangan

manakala rizab rasmi (AS\$83 billion) berada pada tahap yang sele-sa.

Defisit Kerajaan Persekutuan juga selari dengan defisit bajet 2006, defisit utama bukan minyak meningkat kepada kira-kira sembilan peratus daripada KDNK pada tahun 2006 daripada 7.25 peratus pada tahun 2005, yang menunjukkan pergantungan yang semakin meningkat terhadap simpanan minyak dan gas.

“Sistem perbankan juga kukuh. Bank-bank pada amnya memiliki

modal yang baik serta kecairan yang tinggi dengan kualiti aset semakin baik dan mencatat keuntungan yang memukakan,” kata laporan itu.

IMF bagaimanapun berpendapat pendedahan bank yang semakin meningkat dalam sektor isi rumah, merupakan kelemahan memandang kadar hutang isi rumah dan pendapatan yang boleh dibelanjakan secara relatifnya tinggi berbanding negara lain, namun boleh ditangani pada masa ini.

Program transformasi syarikat milik kerajaan (GLC) sudah mula

Lembaga
Eksekutif IMF

membuahkan hasil, manakala Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan usaha meningkatkan modal insan, menggalakkan pertumbuhan dalam sektor bernilai tambah tinggi dan memperkuatkan institusi awam dan sistem penyampaian.

“Malaysia sudah mencatat kemajuan yang baik ke arah merealisasikan status negara maju dan kini mendapat manfaat daripada pasaran kewangannya yang kukuh serta kadar kemiskinan yang rendah,” kata laporan itu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin yang berada di sini untuk mesyuarat tahunan musim bunga Bank Dunia/IMF yang berakhir semalam, berkata, Malaysia berjaya membasmu kemiskinan iaitu daripada 49 peratus pada 1970 kepada hanya 5.5 peratus pada tahun lepas.

– Bernama